

10 JUN 1999

Mahathir-kehidupan

JANGAN KORBANKAN KEHIDUPAN SELESA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia akan kehilangan kehidupan selesa yang mereka nikmati sekarang jika berlaku parlimen tergantung dan tidak ada parti kuat memerintah negara pada pilihan raya akan datang.

"Rakyat Malaysia tidak boleh mengambil mudah sesuatu perkara. Jika kita hadapi parlimen tergantung dan tidak ada parti kuat untuk memerintah, maka kehidupan selesa yang mereka nikmati sekarang, tidak lagi akan wujud.

"Malah, mereka akan hadapi masalah ekonomi, sosial dan politik," katanya kepada pemberita selepas melancarkan "Perhimpunan Perkasa Pemuda Umno dan Kem Gerak Gempur Pilihan Raya Pemuda Umno" di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Naib Presiden Umno, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob, menteri kabinet dan anggota Majlis Tertinggi serta beberapa veteran Umno.

Ketika ditanya sama ada beliau telah menetapkan tarikh pilihan raya umum, Dr Mahathir berkata ia pasti diadakan sebelum Julai tahun depan.

"Sebelum ini, saya katakan April tetapi sebenarnya Julai.

"Kita boleh adakannya pada bila-bila masa tetapi kita tidak mahu membazirkan wang rakyat dengan mengadakannya lebih awal atau kerap," katanya.

Mengenai pembangkang, Dr Mahathir berkata mereka tidak begitu serius kerana mereka sibuk bertelagah.

Katanya pembangkang tidak mempunyai matlamat atau minat membangunkan negara atau menyediakan kehidupan selesa kepada rakyat, sebaliknya hanya mementingkan tujuan peribadi.

Mengenai ramalan bahawa Barisan Nasional akan kehilangan beberapa kerusi di negeri-negeri di utara, Perdana Menteri berkata ada daripada kerusi itu yang BN akan kalah dan ada pula yang ia akan menang.

"Ini adalah ramalan sebelum setiap pilihan raya tetapi biasanya ia silap," katanya.

Dr Mahathir juga berkata lawatannya ke seluruh negara akan disambung semula selepas tertangguh untuk sementara.

"Saya telah ke Sabah, Johor, Selangor dan saya akan pergi ke negeri-negeri lain termasuk Kedah untuk menemui anggota Umno dan rakyat," katanya.

Beliau berkata bilangan orang yang datang semasa lawatannya adalah besar dan maklumat yang diterimanya mengenai sokongan kepada BN adalah baik.

Mengenai kemungkinan pelajar Malaysia di luar negara tidak akan menyokong parti kerajaan dalam pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata hanya mereka yang dihasut parti pembangkang yang akan berbuat demikian.

"Kalau kita tanya mereka (yang dihasut) memang mereka beri gambaran seolah-olah semua penuntut di luar negeri bersikap demikian (tak sokong)," katanya.

Perdana Menteri berkata bahawa pada umumnya kebanyakan penuntut Malaysia di luar negara terhutang budi kepada kerajaan kerana mereka sedar mereka tidak akan mendapat pelajaran tanpa bantuan menerusi pemberian biasiswa oleh kerajaan.

"Yang tahu bersyukur akan sokong kerajaan," katanya.

-- BERNAMA
AR MAI